Syed Shah Azlizan bin Syed Shah Azeman lwn Zaidi bin Mohd Ali

MAHKAMAH TINGGI (MELAKA) — RAYUAN SIVIL NO 12–30 TAHUN 1998
SURIYADI H
4 APRIL 2002

Lalu Lintas Jalanraya *— Kecuaian — Perlanggaran di simpang empat — Perlanggaran antara dua motorsikal — Sama ada versi plaintif lebih berkemungkinan*

Hakim mahkamah sesyen telah memutuskan bahawa plaintif bertanggungan bagi kemalangan tersebut sehingga kepada had sebanyak 80%. Plaintif telah merayu terhadap keputusan mahkamah sesyen tersebut. Versi plaintif mengenai kemalangan tersebut adalah bahawa beliau sedang menunggang sebuah motosikal daripada ke arah Kem Sungai Udang. Di satu persimpangan, plaintif telah memasang lampu isyarat beliau bagi memberi isyarat yang beliau akan membelok ke kanan ke arah Kem Sungai Udang. Sebelum plaintif membelok, motosikal defendan telah datang daripada arah yang bertentangan dan melanggar motosikal plaintif. Bagaimana pula menurut versi defendan, oleh kerana beliau nampak plaintif membelok kanan ke persimpangan tersebut tetapi berkeputusan untuk balik semula ke arah daripada mana yang beliau datang. Defendan tidak sempat menghentikan motosikalnya pada ketika itu dan telah melanggar plaintif.

Diputuskan, membenarkan rayuan tersebut:

(1) Daripada lakaran kemalangan tersebut, versi plaintif adalah lebih berkemungkinan. Hakim mahkamah sesyen mempercayai versi defendan dan berdasarkan nota-nota keterangan yang dicatatkan oleh hakim tersebut, plaintif telah tidak diberi peluang untuk menyangkal (lihat ms 383G–384A).

(2) Kerosakan kepada motosikal plaintif dan kecederaan pada kakinya menyokong versi plaintif (lihat ms 384E–F).

(3) Berhubung kelewatan plaintif untuk membuat laporan polis, hakim mahkamah sesyen telah memutuskan secara salah bahawa disebabkan kelewatan tersebut, terdapatnya kemungkinan bahawa plaintif mungkin telah mendrafkan laporan polis tersebut bagi menyokong tuntutan beliau. Plaintif telah menerangkan bahawa beliau telah dimasukkan ke hospital selepas kemalangan itu dan akibatnya lewat membuat laporan polis (lihat ms 384G–H).

[English summary

The sessions court judge ruled that the plaintiff was liable for the accident to the extent of 80%. The plaintiff appealed against the decision of the sessions court. The plaintiff's version of the accident

was that he was riding a motorcycle from Kem Terendak towards the direction Kem Sungai Udang. At a junction, the plaintiff turned on his indicator light to indicate that he was about to turn right towards Kem Sungai Udang. Before the plaintiff turned, the defendant's motorcycle came from the opposite direction and hit the plaintiff's motorcycle. The defendant's version however, was that he saw the plaintiff turning right into the junction but the plaintiff decided to turn back to the direction from which he came from. The defendant could not stop his motorcycle in time and hit the plaintiff.

Held, allowing the appeal

(1) From the sketch of the accident, the plaintiff's version was more probable. The sessions court judge believed the defendant's version and based on the notes of evidence recorded by the judge, the plaintiff had not been given the opportunity to rebut (see pp 383G–384A).

(2) The damage to the plaintiff's motorcycle and the injuries to his leg supported the plaintiff's version (see p 384E–F).

(3) In regard to the plaintiff's delay in making a police report, the sessions court judge had wrongly concluded that due to the delay, there was a possibility that the plaintiff might have drafted the police report to support his claim. The plaintiff had explained that he was hospitalized after the accident and as a result thereof was late in making the police report (see p 384G–H).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai perlanggaran di simpang empat, lihat 11 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1996 Reissue) perenggan 269.

Kes-kes yang dirujuk

Hocking v Bell (1943) 43 NSWR 154 (dirujuk)
Seng Chong Metal Works Ltd v Lew Fa [1966] 2 MLJ 63 (dirujuk)
Seow Gek Soo @ Yeo Gek Soo & Anor v Chia Mun Fook [1989] 1 CLJ 985 (dirujuk)

Rayuan daripada: Saman No 53–17 tahun 1997 (Mahkamah Sesyen, Melaka)

Japal Singh Gill (*Raghbir Singh Gill & Co*) bagi pihak perayu.
Avataran Singh (*Izwan Lewis Abdullah* bersama beliau) (*SN Fam & Co*) bagi pihak responden.

Suriyadi H: Ini adalah rayuan oleh pihak plaintif perayu terhadap keseluruhan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen yang telah diberikan pada 12 Jun 1998 yang memutuskan bahawa plaintif perayu dipertanggungjawab menyebabkan kemalangan tersebut sebanyak 80% dan

A defendan/responden sebanyak 20%. Plaintif juga merayu terhadap kuantum ganti rugi yang telah diawardkan.

Kes plaintif perayu adalah seperti berikut. Pada 19 Disember 1995 jam lebih kurang 11.45 malam plaintif perayu sedang menunggang motosikalnya nombor pendaftaran NS 2721 dari arah Kem Terendak menghala ke Kem Sungai Udang, Melaka (dari bawah ke atas dalam rajah kasar). Apabila menghampiri simpang untuk masuk ke arah Kem Sungai Udang di sebelah kanannya, plaintif perayu telah memberikan isyarat ke kanan dan memperlahankan motosikalnya. Sebelum plaintif perayu masuk ke simpang di sebelah kanannya, dengan tiba-tiba sebuah motosikal yang ditunggangi oleh defendan/responden dari arah hadapan telah terbabas dan melanggar motosikal plaintif perayu di bahagian hadapan sebelah kanan. Plaintif perayu telah mengalami kecederaan dan dihantar ke hospital. Plaintif perayu menyatakan bahawa kemalangan berlaku di lorongnya (di tanda sebagai 'Y' dalam rajah kasar).

Defendan/responden mempunyai versi yang berbeza tentang punca kemalangan ini. Menurut defendan/responden pada hari itu dia menunggang motosikal nombor pendaftaran MAP 640 dari Tangga Batu menuju Masjid Tanah (dari atas ke bawah rajah kasar). Semasa dalam perjalanan itu dari jarak lebih kurang 30–40 kaki, dia terlihat motosikal plaintif perayu dari arah yang bertentangan dan berada di lorong tengah. Kemudian defendan/responden nampak motosikal plaintif perayu tersebut cuba memasuki simpang tetapi telah berpatah balik ke lorong plaintif perayu itu semula. Oleh kerana jarak yang dekat defendan/responden cuba membrek dan mengelak ke arah kanannya dengan andaian plaintif perayu akan meneruskan perjalanan memasuki simpang itu. Bila defendan/responden mengelak ke kanan, plaintif perayu juga pada masa yang sama berpatah balik semula ke lorongnya maka terjadilah kemalangan di tempat yang ditandakan 'Y' oleh defendan [rajah kasar ms 69 rekod rayuan].

Dalam rayuan di hadapan saya, setelah saya mempertimbangkan hujahan peguamcara plaintif perayu dan defendan/responden serta keterangan yang ada, saya membuat keputusan membenarkan rayuan ini dan mendapati defendan/responden dipertanggungjawabkan 100% liabiliti. Berdasarkan keputusan ini, perayu plaintif telah menarikbalik rayuan atas isu kuantum. Oleh yang demikian, saya hanya akan menyentuh isu liabiliti sahaja.

Saya mendapati keterangan perayu plaintif berhubung dengan cara bagaimana kemalangan itu berlaku adalah lebih berkemungkinan untuk dipercayai. Berdasarkan tempat di mana terjadinya perlanggaran antara plaintif perayu dan defendan/responden sepertimana ditandakan sebagai 'Y' dalam rajah kasar, ternyata membuktikan responden telah memasuki laluan plaintif perayu yang sah. Tanda 'Y' tersebut dilukis oleh defendan/responden sendiri semasa perbicaraan kes ini, yang mengesahkan yang beliau telah memasuki laluan plaintif perayu.

Hakim yang bijaksana telah meletakkan kepercayaan pada versi defendan/responden bahawa plaintif perayu telah mencuba membelok ke simpang jalan di sebelah kanan dan kemudian berpatah balik ke lorongnya

semula. Berdasarkan nota keterangan yang direkodkan oleh Hakim yang bijaksana itu, saya dapati fakta ini tidak pernah ditekankan ataupun disarankan pada plaintif perayu oleh peguamcara defendan/responden semasa perbicaraan. Dengan itu plaintif perayu tidak berpeluang untuk mematahkan pengataan sedemikian. A

Beban membuktikan kecuaian sertaan (contributory negligence) adalah di pihak defendan/responden. Walau bagaimanapun beban untuk membuktikan kesnya adalah terletak di bahu plaintif perayu (*Hocking v Bell* (1943) 43 SR (NZW) 154); *Seng Chong Metal Works Ltd v Lew Fa* [1966] 2 MLJ 63). B

Hakim perbicaraan yang bijaksana juga telah mengambilkira kerosakan pada kenderaan yang terlibat dalam membuat keputusannya. Menurut beliau, ada kemungkinan plaintif perayu telah cuba membelok ke kanan dan berpatah balik ke lorongnya, dan apabila perlanggaran berlaku, bahagian kanan plaintif perayu telah dilanggar. C

Fakta bahawa kerosakan berlaku di sebelah kanan motosikal plaintif perayu dan juga motosikal defendan/responden adalah diakui. Persoalannya, bagaimana kerosakan itu boleh berlaku? Apakah kedudukan pihak-pihak semasa perlanggaran itu? D

Hakim perbicaraan ternyata lebih mempercayai defendan/responden. Jika diteliti rajah kasar yang disediakan oleh pegawai penyiasat kes, tanda 'Y' (tempat berlaku perlanggaran) berada agak jauh dari simpang masuk ke kanan (agak malang tiada ukuran disediakan). Saya bersetuju dengan hujahan peguamcara plaintif perayu bahawa tidak mungkin beliau telah mencuba membelok ke kanan sebelum tanda 'Y' itu. Ini adalah kerana simpang jalan untuk ke Kem Sungai Udang berada di jarak yang agak panjang lagi. Pada pandangan saya, kerosakan motosikal plaintif perayu di bahagian hadapan sebelah kanan (penghadang angin dan pemijak kaki) dan kecederaan kaki sebelah kanan menunjukkan kedudukan plaintif perayu yang lurus (tegak) menghala ke arah Tangga Batu (dari bawah ke atas dalam rajah kasar). Ini menyokong versi plaintif perayu bahawa defendan/responden dengan tiba-tiba terbabas dan terus melanggarnya di lorongnya yang sah. E F

Berhubung dengan kelewatan dalam membuat laporan polis, hakim perbicaraan yang bijaksana telah membuat andaian/konklusi bahawa kelewatan plaintif perayu melaporkan kemalangan tersebut kepada pihak polis setelah tujuh bulan selepas kemalangan, menyebabkan ada kemungkinan beliau berpeluang memperbaiki kesnya untuk tujuan membuat tuntutan. G

Pihak plaintif perayu tidak mempertikaikan berlaku kelewatan dalam melaporkan kemalangan tersebut. Walau bagaimanapun beliau telah memperjelaskan apa yang berlaku selepas kemalangan itu. H

Menurutnya, dia telah dimasukkan ke Hospital Terendak, Melaka selama lebih kurang 20 hari. Dia kemudian pulang ke kampung berubat cara kampung di Kelantan. Setelah itu telah pergi ke hospital Kuantan untuk dapatkan sijil cuti sakit. Dia kemudian diarah pula pergi ke Kuala Terengganu bagi menjalani pembedahan. Sampai di Kuala Terengganu I

A plaintif perayu terpaksa menunggu giliran untuk dibedah dalam bulan Mei 1996. Perayu plaintif hanya kembali ke Melaka pada bulan Julai 1996, dan sejurus kemudiannya membuat laporan polis iaitu pada 17 Julai 1996. Kesemua ini disokong oleh dokumen-dokumen yang terdapat di bahagian 1 rekod rayuan.

B Setelah meneliti nota keterangan, saya dapati isu kelewatan ini tidak dibangkitkan oleh peguamcara defendan/responden ketika menyoalbalas plaintif perayu. Kredibiliti plaintif perayu tidak dipersoalkan berhubung dengan kemungkinan bahawa beliau telah mereka-reka atau memperbaiki kesnya untuk tujuan tuntutan. Adalah tidak wajar hakim perbicaraan yang bijaksana membuat konklusi sedemikian sedangkan isu kelewatan tidak C ditimbulkan dan kredibiliti plaintif perayu tidak digoncang melalui pemeriksaan balas. Malahan pihak defendan/responden juga mengakui bahawa dia juga tidak membuat laporan polis dengan segera iaitu tujuh hari selepas kemalangan.

Atas alasan-alasan ini, saya telah membuat kesimpulan bahawa pihak D plaintif perayu tidak patut dipersalahkan dalam kemalangan ini, dan defendan/responden seharusnya bertanggungjawab sepenuhnya (bagi perbandingan sila lihat kes *Seow Gek Soo @ Yeo Gek Soo & Anor v Chia Mun Fook* [1989] 1 CLJ 985). Dengan itu, saya telah membenarkan rayuan ini dengan kos dan memutuskan defendan/responden bertanggungan sepenuhnya (100%). Rayuan plaintif perayu terhadap kuantum ganti rugi E telah saya tolak juga tanpa kos.

Rayuan dibenarkan

Dilaporkan oleh Lim Lee Na

F

G

H

I